



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4303
Nama Kursus : Acara Jenayah Di Mahkamah
Syariah
Peringkat Kursus : Sarjana Muda
Masa : 3 jam

Nota :

Sila jawab empat soalan sahaja. Soalan pertama adalah soalan wajib.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BAHAGIAN A

(SOALAN WAJIB)

SOALAN PERTAMA [15 Markah]:

Bab 65 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 memberi kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa Agama untuk menangkap tanpa waran :

- a. Jelaskan cara-cara menangkap yang dibenarkan oleh undang-undang,
(5 markah)
- b. Nyatakan kuasa-kuasa sampingan yang boleh digunakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama semasa melakukan tangkapan,
(5 markah)
- c. Selain tangkapan, sebutkan dua(2) lagi kuasa yang boleh digunakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama dalam menjalankan penyiasatan, dengan menyatakan juga peruntukan undang-undang yang memberikan kuasa tersebut dan rasional mengapa undang-undang tersebut digunapakai.
(5 markah)

SOALAN KEDUA [15 Markah]:

Huraikan perkara berikut dari perspektif undang-undang dan syarak :

- a. Laporan Maklumat Pertama,
(7.5 markah)
- b. Geledahan.
(7.5 markah)

SOALAN KETIGA [15 Markah]:

Jelaskan isu undang-undang yang dibangkitkan di dalam kes-kes berikut :-

- a. Pendakwa Syarie lwn. Hj Darul 'Ain,
(7.5 markah)
- b. Pendakwa Syarie lwn. Hj Mohd Yunus & seorang lagi.
(7.5 markah)

BAHAGIAN B

SOALAN KEEMPAT [15 Markah]:

Tuduhan merupakan langkah pertama dalam proses pendakwaan jenayah. Ia bertujuan sebagai suatu pemberitahuan kepada orang yang dituduh tentang kesalahan yang ia dipertuduhkan. Tuduhan boleh dipinda pada bila-bila masa sebelum keputusan :-

- a. Nyatakan prosedur yang perlu dilakukan setelah pindaan tuduhan dibuat,
(5 markah)
- b. Jelaskan kesan kegagalan dalam mematuhi prosedur tersebut terhadap prosiding, sabitan dan hukuman,
(5 markah)
- c. Sebutkan dua(2) kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah yang membahaskan tentang isu pindaan tuduhan.
(5 markah)

SOALAN KELIMA [15 Markah]:

Di dalam prosiding perbicaraan, setelah orang yang dituduh memahami tuduhan yang dibacakan dan diterangkan kepadanya, mahkamah akan merekodkan pengakuan orang yang dituduh sama ada mengaku bersalah terhadap tuduhan itu atau sebaliknya :-

- a. Terangkan prosedur perbicaraan sekiranya orang yang dituduh mengaku bersalah,
(7.5 markah)
- b. Jelaskan prosedurnya sekiranya orang yang dituduh mengaku salah dengan bersyarat.
(7.5 markah)

SOALAN KEENAM [15 Markah]:

Pada masa ini Mahkamah Syariah belum mempunyai prosedur rayuannya yang lengkap dan tersendiri. Dalam mengendalikan kes-kes rayuan, rujukan biasanya dibuat kepada Kanun Peraturan Jenayah, Penggal 7 dan amalan-amalan mahkamah yang difikirkan sesuai :-

- a. Terangkan proses rayuan yang berjalan pada masa ini di Mahkamah Syariah,
(7.5 markah)
- b. Pada pandangan kamu, apakah cara terbaik yang boleh dilakukan supaya suatu rayuan itu dapat diselesaikan dalam tempoh yang munasabah.
(7.5 markah)